

SAHAM : ISU DAN PERMASALAHANNYA DALAM KONTEKS MALAYSIA

Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri Haron
Pusat Pengajian Umum
Universiti Kebangsaan Malaysia

Pendahuluan

Dalam konteks semasa, perbincangan mengenai saham ada kaitannya dengan pasar yang dikenali dengan nama pasaran saham. Pasaran saham mempunyai peranan yang penting bagi membangun ekonomi sesebuah negara di samping membentuk jaringan hubungan yang kuat antara negara-negara di dunia. Sebelum dibincangkan secara terperinci topik berkaitan saham, wajar dilihat dahulu mengenai definisi pasar yang ada kaitannya dengan pasaran saham.

Definisi

1-Definisi pasar dari segi bahasa dan istilah

a. Bahasa

Pasar atau *suq* dalam bahasa arab diambil daripada perkataan (ساق يسوق سوقا) kerana berfungsi menjadi penghubung barangan dengan sesuatu dan perkataan jamak (plural) bagi *suq* ini ialah *aswaq*. Dalam *Lisan al-Arab* *suq* ialah tempat berjual beli. Dalam *Mu'jam al-Wajiz* *suq* ialah tempat yang menarik padanya (tempat tumpuan) barangan untuk berjual beli.

Secara kesimpulannya pasar menurut bahasa ialah tempat khusus untuk tukar menukar barangan atau tempat yang khusus bagi melakukan urusan perniagaan melibatkan jual dan beli. Perkataan *suq* atau *aswaq* ini terdapat di dalam al-

Qur'an dan juga hadis antaranya firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Furqan pada ayat 7:

Yang bermaksud:

"Dan mereka pula berkata: "Mengapa Rasul ini makan minum dan berjalan di pasar-pasar (seperti manusia Yang lain)? sepatutnya diturunkan malaikat kepadaNya, supaya malaikat itu turut memberi peringatan dan amaran bersama-sama dengannya (sebagai saksi Yang membenarkannya)"

Begitu juga pada ayat 20 surah yang sama:

Yang bermaksud:

"Dan Kami tidak mengutus Rasul-rasul sebelummu (Wahai Muhammad) melainkan orang-orang Yang tentu makan minum dan berjalan di pasar-pasar, dan Kami jadikan sebahagian dari kamu sebagai ujian dan cubaan bagi sebahagian Yang lain, supaya ternyata Adakah kamu dapat bersabar (menghadapi ujian itu)? dan (ingatlah) adalah Tuhanmu sentiasa melihat (akan keadaan makhluk-makhlukNya)"

Sehubungan dengan ini Rasulullah s.a.w. juga bersabda yang bermaksud:

"Sebahagian kamu jangan berjual beli di atas jualan sebahagian yang lain dan jangan mendapatkan barangan (pedagang yang sedang dalam perjalanan) sehinggalah barangan tersebut diturunkan (sampai) di pasar). (Riwayat al-Bukhari)

b. Istilah

Ibnu Hajar al-'Asqalaniy mendefinisikan *suq* ialah nama bagi setiap tempat yang berlaku jualbeli antara mereka yang melakukan jual beli tersebut. Hukum tersebut tidak terhad kepada tempat yang dikenali dengan nama *suq* (pasar) bahkan umum di mana sahaja berlaku urusan jual dan beli.

Di kalangan sarjana terdapat perbezaan definisi antara pasar dalam konteks perniagaan dengan pasar dalam konteks ekonomi.

i- Maksud pasar dalam konteks perniagaan

Suatu tempat tumpuan pelbagai barangan yang berlaku dengan sempurna urusan tukar menukar atau jual beli atau kepenggunaan (consumption) iaitu tempat yang sempurna pindah milik barangan disebabkan terdapatnya cara-cara (proses) yang mampu dipenuhi seperti penyimpanan, kewangan, pengangkutan, pengasingan dan pengagihan (Hasan: 1986)

ii-Maksud pasar dalam konteks ekonomi

Menurut Rasyid al-Barawiy (1971): “Pasar ialah tempat pertemuan pembeli dan penjual sama ada secara langsung atau melalui perantara (broker) sebahagian mereka dengan sebahagian yang lain di mana harga-harga yang terdapat pada sebahagian (elemen) ‘pasar’ tersebut memberi kesan terhadap harga-harga pada bahagian-bahagian (elemen-elemen) ‘pihak’ yang satu lagi, yang hasilnya mewujudkan pelbagai jenis harga terhadap sesuatu barangan dalam pasar, tanpa mengambil kira apa yang berlaku berkaitan penyelewengan harga terhadap jenis barangan mengikut ketentuan sesuatu tempat atau disebabkan kejadian yang berlaku tanpa diduga dan faktor masa”

Berdasarkan penjelasan tersebut, pasar dalam konteks perniagaan melibatkan sesuatu urusan jual beli berlaku di tempat khusus yang tertentu, berbeza dengan maksud pasar dalam konteks ekonomi yang tidak melibatkan urusan perniagaan tertentu pada tempat yang khusus bahkan boleh berlaku di mana sahaja menerusi komunikasi dengan internet, telefon, faksimili atau apa-apa cara moden yang canggih.

Sejarah pasar dalam Islam dan perkembangannya

Sudah sedia maklum bahawa masyarakat arab amat terkenal dalam bidang perdagangan sejak sebelum Islam lagi. Mereka terdiri daripada kabilah-kabilah perdagangan yang membawa barang dagangan dari semenanjung arab ke negara-negara Rom dan Parsi di samping terkenal sebagai pedagang yang membawa masuk dagangan ke Yaman pada musim sejuk dan di musim panas pula mereka ke Syam seperti yang tersebut dalam surah al-Quraish ayat 1-4.

Yang bermaksud:

“Kerana kebiasaan aman tenteram kaum Quraisy (penduduk Makkah),(laitu) kebiasaan aman tenteram perjalanan mereka (menjalankan perniagaan) pada musim sejuk (ke negeri Yaman), dan pada musim panas (ke negeri Syam),Maka hendaklah mereka menyembah Tuhan Yang Menguasai Rumah (Kaabah) ini, Tuhan Yang memberi mereka penghidupan: menyelamatkan mereka dari kelaparan, dan mengamankan mereka dari ketakutan”

Perniagaan sudah menjadi suatu yang lumrah bagi masyarakat arab. Oleh yang demikian tidak hairanlah terdapat banyak pasar-pasar pada musim-musim tertentu di pelbagai tempat. Ada yang bersifat tahunan, musim, bulanan dan juga mingguan. Pasar bersifat tahunan atau musim adalah lebih umum dan lebih menyeluruh yang melibatkan hasil pertanian dan haiwan. Pasar yang ada kebanyakannya bersifat kekal dan berterusan setiap hari mengikut keperluan.

Menurut sejarah, sebelum Islam terdapat banyak pasar-pasar terkemuka di kalangan masyarakat arab di mana menurut perkiraan ahli-ahli sejarah tidak kurang daripada 20 pasar besar mengikut musim tertentu yang mampu menghimpunkan manusia

dari pelbagai pelusuk negara seperti *Suq Daumah al-Jandal*, *Suq Hijr*, *Suq al-Musyaqqar*, *Suq Zi al-Majaz*, *Suq Majannah* dan *Suq 'Ukadh*, *Suq Bi al-Safaa Saf Bi al-'Usbah*, *Suq Muzahim* dan *Suq Bani Qainaaq'*

Awal pasar Islam ialah di Baqi' al-Zubair yang ada kisahnya yang tersendiri. Suatu hari datang salah seorang yang bersifat *muhtakir* (orang yang suka memonopoli keperluan penting masyarakat untuk menaikkan harga) daripada pedagang Yahudi iaitu Kaab bin al-Asyraf yang bertindak meruntuhkan kubah (semacam batu tanda atau kanopi) yang telah diletakkan di tanah pasar Baqi' al-Zubair. Apabila Rasulullah s.a.w. melihat hal tersebut lalu Baginda memindahkan kubah tersebut ke tempat baru yang dikenali kemudiannya sebagai *Suq al-Madinah* (Pasar Madinah). Rasulullah s.a.w. merasmikan pasar tersebut untuk orang-orang Islam lalu bersabda: "Inilah pasar kamu, jangan meletakkan batu (jangan tanda tempat) dan jangan mengenakan cukai"¹. Keadaan ini berterusan berlaku hinggalah ke hari ini pada pasar yang terdapat di al-Madinah al-Munawwarah yang dikenali dengan nama *Suq al-Manakhah*. Inilah pasar yang telah ditentukan, disusun dan diasaskan oleh Baginda Rasulullah s.a.w. sendiri sebagai pasar bebas cukai pertama dalam sejarah yang tidak pernah berubah dari segi kemajuan dan perkembangannya. Sebaliknya *Suq Bani Qainaaq'* kepunyaan Yahudi kian menghilang dan mengecil disebabkan ramai yang meninggalkannya bahkan mereka sebaliknya bertumpu pula ke pasar-pasar Islam kerana kebebasan sempurna yang dimilikinya. Di sana terdapat banyak dasar-dasar penting muamalat Islam yang dipraktikkan atas asas keadilan, saling reda meredai dan toleransi dalam urusan jual beli berkat kelebihan yang ada pada diri Rasulullah s.a.w. ketika mengendalikannya.

Dengan berkembangnya wilayah kerajaan Islam, lahir pelbagai jenis pasar bersifat kekal yang kian berkembang di negara-negara Islam menggantikan pasar sebelumnya yang bersifat sementara atau bermusim di bandar-bandar. Hanya tempat-tempat yang berhampiran dengan rumah-rumah kampung (badwi) sahaja wujud pasar-pasar sementara ini seperti pasar *al-marbad* di Basrah, *aswaq* (pasar-pasar) *baza'ah* di timur Halab dan *suq zawiyah bin Adham* di Jaba.

Kurun-kurun mutakhir menyaksikan perkembangan pesat yang bermula sejak kurun 16 Masihi dengan fenomena moden seperti bon dan saham yang kita kenali hari ini. Walau bagaimanapun istilah pasaran saham seperti yang kita kenali pada hari ini tidak ada bezanya dengan istilah pasar yang kita faham pada hari ini kecuali dari segi perkembangannya disesuaikan mengikut tren semasa.

Perkembangan pesat ini dikatakan bermula pada zaman Rom dengan wujudnya *Collegia Mercatorum* pada kurun kelima sebelum Masihi. Pada zaman pertengahan, kota Bruges, Antwerp, Lion, Amsterdam dan London dianggap sebagai pusat-pusat kewangan terkemuka dengan adanya 'bursa' yang beroperasi sebagai pasar-pasar perniagaan yang mengendalikan pertukaran barangan, wang, *hiwalah* (pemindahan hutang) dan saham-saham syarikat perniagaan. Sejak kurun ke 17 beribu-ribu pemain saham berkumpul di Amsterdam antara jam 12 tengahari hingga 2 petang yang menawarkan harga-harga saham Syarikat India Timur .

Kurun ke 19 menyaksikan kota Paris sebagai pusat jual beli saham, namun di pertengahan kurun tersebut London pula kemudiannya mengungguli bidang ini di dunia. Walau bagaimanapun akibat perang dunia pertama dan kedua pengaruhnya kian merosot sebelum bermula kebangkitan Wall Street. Sekalipun berlaku krisis kemelesetan pada tahun 1929 yang memberi kesan kepada pelbagai bank dan syarikat namun pasaran kewangan Amerika tetap stabil. Akibat pengaruh besar dolar Amerika, fungsinya diperluaskan sehingga bursa Amerika mencapai kedudukan 850 juta dolar Amerika iaitu 7 kali ganda berbanding London dan 8 atau 9 kali ganda berbanding dengan Paris.

Bilangan bursa di dunia kemudiannya kian bertambah sehingga di Amerika sahaja berjumlah 14 buah dan yang terkemuka ialah Bursa New York yang mempunyai nilai saham sebanyak 1,500 billion dolar. Di Britain sejak 1973 bursa-bursa telah digabungkan menjadi satu iaitu Bursa London dengan nilai saham sebanyak satu billion dolar. Di Jepun pula terdapat lapan buah bursa dan yang terkenal ialah Bursa Tokyo yang menguasai 75% daripada keseluruhan bursa-bursa di Jepun dengan nilai saham melebihi dua billion dolar. Di Jerman terdapat lapan buah bursa dengan Bursa Frankfurt menguasai 44% daripada keseluruhan bursa-bursa yang ada di Jerman. Di Perancis pula terdapat 7 buah bursa terutamanya Bursa Paris. Di Switzerland juga terdapat 7 buah bursa dan yang terkemuka ialah Bursa Geneva, Basel dan Zurich.

Definisi Bursa

Terdapat beberapa definisi tentang bursa yang diutarakan oleh sarjana-sarjana antaranya ialah:

1-Menurut Dr. Husin 'Umar, pasaran saham atau bursa ialah tempat yang mempertemukan antara ahli perniagaan bank (bankers) dan broker saham (stock-brokers) untuk melakukan urusan niaga berkaitan saham.

2-Dr. Muhammad Yusuf Sulaiman menjelaskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan bursa ialah keseluruhan aktiviti yang diselesaikan pada suatu tempat tertentu di antara sekumpulan manusia bagi menyelesaikan transaksi perniagaan mereka berkaitan hasil pertanian atau perusahaan atau saham, sama ada perkara (subjek) transaksi tersebut benar-benar wujud - wujud secara 'ain (dapat dilihat) - atau ghaib (tidak kelihatan) di tempat berlakunya akad, atau *ma'dum* iaitu tidak wujud langsung ketika akad tetapi mampu diperolehi kemudiannya.

3-Dr. Muhsin al-Khudhairiy memberikan definisinya yang agak panjang iaitu: Bursa ialah tempat yang diketahui dan ditentukan sebelumnya di mana berhimpunnya para pedagang bagi tujuan untuk melakukan transaksi jual beli...berlangsung dengan cara yang sesuai secara jelas dan telus sehingga membawa kesan terhadap seluruh para pedagang dan muamalat mereka. Di atas maksud ini senarai harga diperbaharui sama ada naik turun atau tetap dan dapat diketahui perubahan yang berlaku menerusi pergerakan harga dengan begitu mudah. Selanjutnya dapat diukur kesan dan diketahui arah alirannya serta dianalisis pula pergerakan yang berlaku ini yang boleh memberi petunjuk untuk

meramalkan apa yang berlaku masa depan. Akhirnya dapat pula disesuaikan dengan pergerakan transaksi dalam pelbagai sudut: kewangan...perundangan...ekonomi bagi: mempermudah urusan proses pertukaran di antara kedua pihak penjual dan pembeli, mempermudah urusan pemindahan barangan dan daftar perundangan bagi transaksi jual beli atau barangan yang dijual dan memudahkan proses pemindahan pemilikan dan penggunaan barangan yang telah sempurna urusannya”

Oleh yang demikian boleh dikatakan bursa ialah lokasi atau suatu tempat khusus yang menguruskan jual beli secara profesional berkaitan instrumen kewangan dan barangan berkuantiti besar antara pihak penjual dengan pihak pembeli melalui perantaraan broker.

Sejarah Bursa

Perkataan bursa di dalam perkataan arabnya disebut sebagai *bursah* berasal dari perkataan perancis iaitu bekas wang. Perkataan bursa ini diberikan kepada suatu pasar di mana terdapatnya transaksi atau kontrak perniagaan barang-barang dan saham-saham. Untuk tujuan tersebut pedagang-pedagang telah datang ke pasar berkenaan dengan membawa bekas-bekas (uncang-uncang) yang berisi wang. Dikatakan perkataan ini diambil sempena pedagang-pedagang di kota Bruges di Flanders, Belgium. Pada kurun 16 Masihi mereka berkumpul di istana saudagar kaya ‘Van der Burse’. Sempena dengan ini nama tersebut diguna pakai pada setiap tempat atau kumpulan yang berkaitan dengan aktiviti perdagangan.

Menurut Dr. Muqbil Jami’iy perkataan bursa digunakan pada kurun ke 16 kerana dikatakan sebahagian pedagang Florence turun ke hotel keluarga yang dikenali sebagai Van Der Burse di kota Bruges dan ahli-ahli keluarga ini berfungsi sebagai perantara antara pedagang-pedagang ini. Ada juga berpendapat bahawa pedagang-pedagang berkumpul di rumah salah seorang penukar wang (money changer) yang diukir di hadapan rumahnya dengan tiga bekas wang dan sebahagian berpendapat tuan punya rumah tersebut ialah penukar wang. Ukiran tersebut di hadapan rumah menunjukkan aktiviti berkaitan dan keluarga tersebut dipanggil sebagai bourse yang sekarang ini dikenali bursa mendapat gelaran tersebut.

Bagaimanapun menurut Samir ‘Abdul Hamid Riduan di akhir kurun ke 13 Masihi bermulanya perkembangan rumah-rumah perniagaan dan kedai-kedai penukar wang di Itali sehingga ke Flanders. Orang-orang Itali mengukuhkan kedudukan mereka di negeri ini sehingga mampu menguasai salah satu daripada bandar-bandar dan pusat-pusat perniagaan besar ketika itu iaitu Brudge di Belgium. Konsul Itali menguasai 3 tempat yang penting iaitu Genoa, Venice dan Florence sebagai tempat utama yang berada di tengah-tengah bandar sehingga menjadi tumpuan penting bagi orang-orang Itali, pekerja-pekerja dan pedagang-pedagang. Menurut sejarah, konsul Venice sebelumnya adalah hotel yang dimiliki oleh keluarga Van Der Burse Belgium yang ahli keluarganya hingga ke cucu cicitnya terkenal dengan kerjaya sebagai broker bagi pengunjung-pengunjung hotel di bandar tersebut. Hal ini berterusan sehingga sepanjang kurun ke 14 dan pertengahan kurun ke 15. Tempat ini tidak asing lagi dengan nama keluarga tersebut iaitu

Van Der Burse. Keadaan ini yang kemudiannya dikenali dengan nama bursa berkembang dengan begitu meluas hingga ke Bandar Antwerp atau Antorp. Bursa di Antorp ini mula berkembang pada 1485 M dan kian meluas pada 1530 M yang menarik perhatian pedagang setiap pelusuk sehingga mengalahkan bursa Bruges yang telah dimulakan sejak 1300 M hingga 1450 M.

Persoalannya jika diterima perkataan bursa ini diambil bersempena dengan nama keluarga Van Der Burse adakah terdapat percanggahan dengan nama tempat atau urusan para pedagang dengan gelaran keluarga ini? Jika diteliti hal ini tidak ada perbezaan yang ketara kerana keluarga ini menggunakan nama berdasarkan logo tiga uncang (bekas) yang tertera pada pintu hotel yang dipakai sebelum menjadi lokasi tetap konsul Venice dan perkataan Bourse mengikut bahasa *Germanic* atau *teutonic* (bahasa yang digunakan di bandar Flanders yang ada kaitan rapat dengan Belanda) bermaksud tempat letak wang begitu juga dalam bahasa Perancis dan Jerman *Bourse*. Perkataan Inggeris ialah *purse* dan Latin pula ialah *Bursa* manakala Itali ialah *Borsa* (Riduan: 29)

Definisi Saham

a. Definisi Saham dari segi bahasa

Saham berasal daripada perkataan arab *sahm* mempunyai pelbagai makna antaranya ialah nasib atau bahagian seperti firman Allah s.w.t. dalam surah al-Saafaat ayat 141:

yang bermaksud:

“(dengan satu keadaan Yang memaksa) maka Dia pun turut mengundi, lalu menjadilah ia dari orang-orang Yang kalah Yang digelunsurkan (ke laut)”.

b. Definisi saham dari segi istilah:

Menurut pandangan ahli-ahli ekonomi, saham dimaksudkan kepada dua perkara:

- i- Bahagian tertentu pemodal sesebuah syarikat harta dan bahagian ini mewakili sebahagian tertentu modal syarikat menerusi pemilikan skrip saham bagi setiap pemodal. Ini dilihat sebagai suatu cara bagi pengesahan hak miliknya dalam sesebuah syarikat.
- ii- Skrip saham atau dokumen yang sah yang diberikan kepada setiap pemodal sebagai mengesahkan pemilikannya kerana setiap saham yang diberi kepada pemodal memberikannya suatu hak dalam syarikat mengikut peraturan yang selayaknya.

Maksud yang kedua ini menjadi suatu amalan yang berlaku dalam perniagaan dan hal ini tidak ada sebarang perbezaan di antara keduanya.

Ciri-ciri khusus mengenai saham

Ciri-ciri khusus saham adalah:

- a. Ia mempunyai nilai yang sama pada setiap satu. Setiap unit saham tidak mempunyai nilai berbeza seperti lebih tinggi daripada nilai unit yang lain. Oleh yang demikian setiap saham mempunyai hak yang sama termasuk juga keperluan-keperluan yang sewajarnya seperti pengagihan keuntungan syarikat, kelangsungannya selepas penyelesaian tempoh matang, hak bersuara, menanggung hutang atau keperluan-keperluan lain yang ditentukan oleh syarikat.
- b. Ia bersifat modal bercampur tanpa dapat dipisah-pisahkan. Sesuatu saham syarikat itu boleh dikongsi lebih daripada seorang pemodal tetapi di sisi syarikat mewakili nama seorang pemodal tertentu dan begitulah juga sebaliknya iaitu seseorang pemodal itu harus juga memiliki banyak saham.
- c. Ia boleh bertukar pemilik dan transaksi dilakukan secara jual beli, cagaran dan seumpamanya.
- d. Ia mempunyai nilai muka yang tetap iaitu setiap saham yang baru dikeluarkan tidak mempunyai nilai yang lebih atau kurang daripada nilai muka.
- e. Tanggungan pemodal adalah tertentu menurut kadar nilai saham yang dimilikinya sahaja tanpa lebih.

Pasaran primer, sekunder dan pasaran modal

1. Pasaran primer (primary market)

Pasaran primer ialah pasaran yang mengeluarkan saham terbitan utama sama ada daripada pihak kerajaan atau syarikat swasta. Terbitan ini penting untuk mendapatkan modal asas syarikat atau untuk menambahkan dana sama ada terbitan instrumen kredit, modal jangka pendek atau jangka panjang.

2. Pasaran modal

Pasaran modal iaitu pasaran jangka pendek -kurang dari setahun- di mana saham-sahamnya yang boleh dijual beli dikeluarkan oleh pelbagai pihak yang bertanggungjawab seperti kerajaan, syarikat yang sudah terkenal, institusi awam dan lain-lain. Berbeza dengan pasaran saham, pasaran modal tidak ada tempat yang khusus untuk urusan perdagangan instrumen pelaburan, tetapi ia berada pada pelbagai pasaran yang saling berhubungan antara satu sama lain. Tujuan utama ialah untuk membiayai kemudahan hutang yang menjadi penghubung antara pemberi hutang dengan orang yang berhutang di samping

mengendalikan urusan tanggungan hutang berserta dengan bayaran faedah tertentu tanpa mengira sama ada projek berkenaan mengalami kemelesetan atau kerugian. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan antara sistem konvensional yang berasaskan faedah (riba) dengan pengendalian sistem Islam yang berasaskan keuntungan menerusi sukuk yang boleh diperniagakan bersesuaian dengan jenis dan bentuk perkhidmatan bersifat saling berkongsi dan saling membantu.

3. Pasaran sekunder

Pasaran sekunder atau yang biasa dikenali sebagai bursa saham ialah pasaran yang mengendalikan transaksi saham syarikat-syarikat papan utama. Kelebihan utama pasaran ini ialah memberi ruang kepada pemegang saham pasaran primer untuk dicairkan atau diperniagakan di pasaran saham ini. Ia terbahagi kepada dua:

a. Pasaran secara formal iaitu saham yang diperniagakan oleh syarikat-syarikat yang terkemuka di bursa. Urus niaga dijalankan oleh sekumpulan perantara syarikat-syarikat tertentu yang menawarkan jual beli saham.

b. Pasaran tidak formal iaitu penjualan saham dilakukan oleh syarikat-syarikat yang tidak tersenarai dalam bursa kerana tidak mencukupi syarat yang dikehendaki oleh bursa. Pasaran ini dikenali dalam bahasa inggerisnya sebagai *Over The Counter Market* (OTC) adalah lebih anjal berbanding secara formal di mana kebanyakan urus niaga lebih cepat dengan cara telefon atau channel tv tanpa perlu kepada pertemuan secara langsung.

Sekalipun pasaran jenis OTC ini melibatkan saham syarikat yang tidak tersenarai dalam bursa, namun begitu terdapat pengecualian bagi urus niaga seperti ini yang melibatkan syarikat yang tersenarai dalam bursa yang disebut sebagai pasaran ketiga (third market). Pasaran ketiga ini melibatkan transaksi saham yang tersenarai di bursa tetapi tidak melalui cara formal. Dalam konteks ini dikatakan tidak formal apabila dilihat dari sudut pengendalian urus niaga tetapi dari segi kedudukan saham itu sendiri adalah bersifat formal kerana tersenarai dalam bursa. Begitu juga terdapat pasaran keempat (fourth market) melibatkan pasaran saham yang tidak tersenarai dalam bursa yang melibatkan jual beli saham secara langsung tanpa menerusi broker.

Kepentingan pasaran saham terhadap pembangunan ekonomi

Pasaran sekunder yang dilihat lebih bersistematik mempunyai kesan dan pengaruh yang besar terhadap kedudukan harta dan ekonomi secara makro dan mikro. Makro dalam konteks ekonomi nasional dan mikro dalam konteks individu dan sektor swasta.

a. Kepentingan pada peringkat nasional

1. Sesuai sebagai mekanisme pengagihan kekayaan di kalangan manusia demi mencapai keadilan agar kekayaan tidak hanya beredar di kalangan orang-orang yang berada sahaja. Kekayaan yang dimiliki oleh sebahagian manusia

boleh diagihkan dengan mudah kepada orang lain menerusi pasaran sekunder atau bursa.

2. Memudahkan kecairan modal dengan lebih efisien secara berterusan antara pihak pelabur sama ada pengguna modal atau pemilik modal (pemilik saham).
3. memberi peluang pekerjaan yang baru kepada manusia di setiap peringkat dengan memperluaskan aktiviti bursa dari masa ke semasa.

b. Kepentingan pada individu dan sektor swasta

1. Pasaran saham adalah tempat yang sesuai untuk jual beli saham secara langsung tanpa melibatkan transaksi secara manual dengan aset asal satu persatu seperti tanah, bangunan, peralatan dan keperluan lainnya.
2. Mudah untuk menetapkan harga berdasarkan kaedah permintaan dan penawaran.
3. memudahkan urusan jual beli saham dan sukuk bagi pelabur atau bagi tujuan kecairan (mendapat wang tunai yang dilaburkan) apabila diperlukan. Di samping itu pelabur juga mudah untuk melabur di pelbagai syarikat untuk mengurangkan risiko kerugian sekiranya terlibat dengan pelaburan hanya pada sebuah syarikat sahaja. Begitu juga pasaran ini memudahkan penjualan saham ketika suasana bencana atau kegawatan dan boleh dilabur semula apabila keadaan kembali seperti sediakala.

ISU-ISU BERKAITAN SAHAM

1. Syarikat yang boleh dibeli sahamnya dan yang dilarang

Syarikat yang boleh terlibat dalam pelaburan atau boleh dibeli sahamnya ialah syarikat yang terlibat dengan perniagaan yang mengikut syariat. Perniagaan adalah disyariatkan selagi berada dalam lingkungan halal. Lingkungan halal adalah terlalu luas berbanding dengan lingkungan yang diharamkan oleh Allah s.w.t. Oleh yang demikian nas-nas yang jelas berkenaan dengan perkara-perkara yang haram adalah terlalu sedikit. Manakala perkara-perkara yang tidak ada nas berkenaan dengan haram atau halalnya, maka ia termasuk dalam kaedah asal sesuatu perkara adalah harus. Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

“Apa yang dihalalkan di dalam kitabNya adalah halal, apa yang diharamkan adalah haram, apa yang didiamkan (tidak disebut apa-apa), maka ia adalah ‘afiah (diizinkan/baik), maka terimalah daripada Allah ‘afiah’ itu, maka sesungguhnya Allah

tidak lupa sesuatu apa pun'. Setelah itu Rasulullah s.a.w. membaca surah Maryam ayat 64 yang bermaksud: 'Dan tiadalah Tuhanmu itu lupa" . (Hakim t.th. (2): 375)

Syarikat yang diharamkan ialah syarikat yang terlibat dengan perniagaan yang diharamkan oleh syariat. Perniagaan yang diharamkan dalam Islam perniagaan yang berada di dalam lingkungan haram seperti perniagaan arak, dadah, judi, babi dan berhala seperti firman Allah s.w.t di dalam surah al-Maidah ayat 90 yang bermaksud:

'Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) daripada perbuatan syaitan'.

Begitu juga dengan perniagaan daging babi seperti firman Allah s.w.t. di dalam surah al-Maidah ayat 3 yang bermaksud:

"Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk kesemuanya)".

Tentang riba dijelaskan mengenai larangannya menerusi ayat di dalam surah al-Baqarah ayat 275 yang bermaksud:

"Allah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba".

Tempat-tempat yang melalaikan termasuklah juga pelacuran dijelaskan pengharamannya menerusi firmanNya di dalam surah al-Nur ayat 33 yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu paksakan hamba-hamba perempuan kamu melacurkan diri manakala mereka mahu menjaga kehormatannya, kerana kamu berkehendakkan kesenangan hidup di dunia".

Di dalam surah al-Isra' ayat 32 juga Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)".

Selain daripada perkara-perkara yang jelas larangannya menerusi nas-nas terdapat juga urusan-urusan yang boleh membawa kepada kerosakan apabila ditinjau dari segi natijah akhir seperti yang dihuraikan oleh Imam al-Syatibiy dalam kitab al-Muwafaqat. Dengan ini lahir kaedah *zad al-zarai'* iaitu menyekat pintu-pintu yang membawa kepada kerosakan seperti yang disebut oleh al-Qarafi iaitu memutuskan perkara wasilah (yang menyampaikan) kepada fasad.

Oleh yang demikian menjual sesuatu yang pada asalnya halal tetapi oleh kerana penjual mengetahui terlebih dahulu bahawa pembeli akan menggunakannya kepada perkara yang diharamkan oleh Allah s.w.t. maka jualan

tersebut adalah diharamkan oleh syariat. Di dalam hal ini Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa yang menyimpan anggur pada hari memungut hasil lalu menjualnya kepada Yahudi atau Nasrani atau seseorang yang mengambilnya untuk tujuan membuat arak, maka sesungguhnya dia menjerumuskan api ke dalam hatinya”.

Sekiranya perniagaan adalah halal dilihat dari segi asasnya, tetapi bercampur dengan yang haram ketika berurusanniaga seperti syarikat penerbangan yang terlibat dengan arak, maka perniagaan itu juga dikatakan haram bersandarkan kepada kaedah ‘Apabila berhimpun antara halal dan haram maka dikira haram’. Walau bagaimanapun terdapat pengecualian ketika hajat atau darurat, di mana jika tidak ada yang sedemikian membawa manusia kepada kesusahan, maka ianya termasuk dalam kaedah yang lain, iaitu kaedah pengecualian seperti firman Allah s.w.t. didalam surah al-An’am ayat 119 yang bermaksud:

“Allah telah menerangkan satu persatu apa yang diharamkanNya kepada kamu, kecuali apa yang kamu terpaksa memakannya”.

Lahir banyak kaedah fikah di dalam hal ini seperti yang terdapat dalam Majalah al-Ahkam al-‘Adliyyah perkara 2: darurat mengharuskan perkara yang dilarang, kaedah hajat menggantikan kedudukan darurat am atau khas (perkara 32), kaedah apabila bertembung dua keburukan, dihindari keburukan yang besar di antara keduanya dengan mengambil yang paling ringan di antara keduanya . Begitu juga dengan kaedah jika sekiranya natijahnya membawa kepada masalah disebabkan masalah tertentu itu dituntut dan kaedah yang lain ialah sesuatu kewajipan yang tidak sempurna melainkan melalui perkara tersebut, maka perkara tersebut menjadi wajib.

Oleh yang demikian:

- i. Hendaklah saham-saham tersebut terbit dari syarikat yang mempunyai tujuan yang disyariatkan iaitu asas perniagaannya adalah halal. Sekiranya syarikat tersebut berdiri di atas asasnya yang halal tetapi kadangkala tertentu terdapat transaksinya berkait sedikit dengan aktiviti haram seperti faedah bank dan sebagainya, maka terdapat tiga pendapat di dalam masalah ini:
 - a. Haram kerana nas-nas menyuruh agar menjauhi dari perkara-perkara haram dan syubhah berdasarkan kaedah jika bercampur antara halal dan haram dimenangkan yang (dikira) haram. Menurut Dr. ‘Ali al-Salus perkara ini adalah haram kecuali dapat diwujudkan panel syariah yang mengawasinya.
 - b. Harus berurusan dengan membeli saham syarikat-syarikat penting yang memberi khidmat awam seperti syarikat elektrik, perhubungan dan lain-lain. Fatwa ini datangnya dari Syeikh Mustafa Ahmad al-Zarqa’ dan anggota panel syariah Muassasah al-Rajih Li A’mal al-Sorofah di Arab

Saudi. Fatwa ini khas bagi syarikat-syarikat penting yang memberi khidmat awam kepada manusia, yang mana ditimpa kesusahan atau *musyaaqqah* dengan sebab ketiadaannya, tetapi bukannya terhadap kesemua syarikat.

- c. Mengharuskan berurusan dengan syarikat-syarikat tersebut. Pendapat ini menegaskan bahwa sedikit yang haram tidaklah mencacatkan asasnya yang halal dan kebanyakan aktiviti adalah halal. Apatah lagi boleh dikira nisbahnya yang haram tersebut dan dikeluarkan daripadanya untuk diselesaikan secara syariat iaitu didermakan kepada orang miskin.

Pendapat ketiga ini adalah lebih *rajih* dan ramai yang mendokong pendapat ini. Terdapat kaedah-kaedah *al-Qawaid al-Fiqhiyyah* yang dapat dijadikan landasan seperti Ibnu Nujaim dan al-Suyuti di dalam *al-Asybah Wa al-Nazair* serta al-Kasani.

- ii. Hendaklah saham itu lahir dari syarikat yang dikenali umum serta jelas perniagaannya tanpa bercampur aduk seperti syarikat-syarikat saham usahasama Amerika yang dikenali dengan nama *mutual fund* yang menjadi haram kerana dua perkara;
 - a. Kerana jahil tentang kandungan syarikat-syarikat tersebut seperti syarikat pengeluaran arak, riba dan sebagainya.
 - b. Syarikat-syarikat ini terdiri daripada aktiviti-aktiviti yang tidak memenuhi syariat seperti jualbeli secara hutang melibatkan faedah/riba.
- iii. Tidak terlibat transaksi pada perkara-perkara yang dilarang oleh syariat seperti riba, gharar, kejahilan dan memakan harta manusia secara batil. Oleh itu tidak harus (haram) pelabur menerima saham yang mendapat perolehan yang tetap tanpa terikat dengan untung dan rugi syarikat.

2. Perantara bursa

Bursa memiliki sekumpulan perantara yang berfungsi untuk menguruskan aktiviti urusan saham dan membekalkan maklumat yang sewajarnya bagi pembeli dan penjual saham antaranya ialah broker saham.

Hukum broker menurut Islam

Dari perspektif Islam tugas sebagai broker tidak dilarang kerana bertindak sebagai perantara dan pemudah cara di antara penjual dan pembeli untuk urusan jual beli saham, barangan dan manfaat. Pada hari ini tugas ini menjadi suatu keperluan untuk urusan perdagangan ini. Di zaman Baginda Rasulullah s.a.w. lagi telah pun wujud kerjaya ini

sebagai mana hadis Qais bin Abi Ghazrah yang bermaksud: (Rasulullah s.a.w telah keluar hadir kepada kami dan kami digelar sebagai *samasirah* (broker-broker) lalu bersabda: “wahai peniaga, syaitan dan dosa kedua-duanya hadir dalam jual beli maka bersihkan jual beli kamu dengan sedekah”. Begitu juga hadis riwayat Ibnu ‘Abbas –r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: “Jangan bertemu pembawa dagangan dan jangan berurus niaga dengan pendatang dari desa”

Ibnu Hajar al-‘Asqalaniy berkata: Imam al-Haramain menyebut bahawa orang yang menemui peniaga yang dikira haram ialah yang menipu tentang harga barangan (yang dibawa dari) desa dengan membeli secara murah daripada harga sebenar pasaran (disebabkan pedagang masih belum memasuki Bandar dan belum mengetahui sebenar harga pasaran semasa)

Mengenai nisbah upah yang diperolehi daripada dua belah pihak atau peratus tertentu ketika urusan jual dan beli adalah harus di atas perkara yang telah syaratkan. Kadangkala syarat tersebut datangnya dari sebelah pihak sahaja. Imam Bukhari menjelaskan dalam sahihnya Ibnu Sirin, ‘Ata’, Ibrahim dan al-Hasan berpandangan tidak ada halangan berkaitan upah *simsar* (broker). Ibnu ‘Abbas berkata tidak mengapa jika seseorang berkata: Juallah pakaian ini, sekiranya lebih daripada sekian sekian (harga) maka ia (lebih itu) menjadi milik kamu. Ibnu Sirin berkata: Jika seseorang berkata: Juallah dengan (harga) ini, apa sahaja yang menjadi keuntungan menjadi milik kamu atau antara aku dan kamu, tidak mengapa (hukumnya) yang demikian itu.

Rasulullah s.a.w. bersabda: “Orang-orang Islam di sisi (berdasarkan) syarat-syarat (yang dipersetujui oleh) mereka”. Oleh itu nisbah peratusan tertentu seperti 0.5% adalah dibenarkan.

a. Hukum upah berdasarkan peratus.

Terdapat dua pandangan mengenai hal ini:

i-Pandangan yang mengatakan harus oleh sebahagian mazhab Maliki dan Mazhab Hanbali. Dalam kitab *Kasyaf al-Qina’* berkaitan dengan masalah hukum memberi upah kepada *simsar* (broker) disebutkan : ‘Jika ditentukan pekerjaan tanpa (penentuan) masa dengan menjadikan (memutuskan) setiap seribu dirham terdapat (upah) yang ditentukan, sah akadnya’. Asasnya ialah berdalilkan hadis Ibn ‘Umar bahawa Rasulullah s.a.w. bermuamalah dengan ahli (penduduk) Khaibar dengan (menentukan) separuh (hasil) yang dikeluarkan daripada buah-buahan atau tanaman.

ii-Pandangan yang mengatakan tidak harus (haram). Jika kedua-dua pihak telah berakad, orang tengah (perantara) tersebut berhak dengan upah *al-mithl* menurut pandangan Jumhur (majoriti) iaitu Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki dan Mazhab Syafi’e.

Penulis melihat pandangan yang pertama lebih kukuh atau rajih kerana upah tersebut telah ditentukan dan jelas maksudnya sekalipun dengan cara peratus.

Zahir hadis yang digunakan sebagai hujah oleh golongan yang mengharuskannya jelas memperlihatkan bagaimana muamalah Rasulullah s.a.w. sendiri dengan penduduk Khaibar dengan separuh atau 50% daripada kadar hasil yang diperolehi, padahal hasil yang sebenar masih belum dikenal pasti yang berkemungkinan banyak atau sedikit tetapi masing-masing pihak telah mengenal pasti kadar peratus yang berhak mereka miliki.

Tentang operasi yang berlaku dalam pasaran saham adalah mengikut uruf semasa tetapi mestilah memenuhi syarat dan etika yang sepatutnya berlaku dalam urusan jual beli. Tentang ejen atau wakil yang mengendalikan urusan yang biasanya disebut broker secara umumnya perbincangan tersebut termasuk dalam bab wakalah. Hal ini tidak ada halangannya dalam Islam jika mengikut prosedur yang telah ditetapkan sebagaimana perbincangan di atas. Mengenai syarat beragama Islam kepada broker atau wakil tersebut terdapat dua pandangan. Pandangan majoriti iaitu Mazhab Hanafi, mazhab Syafi'e dan Mazhab Hanbali membenarkannya, manakala mazhab Maliki tidak membenarkannya kerana dikhuatiri termasuk dalam perkara yang haram. Mengenai isu sama ada boleh atau tidak orang Islam menjadi wakil atau broker kepada orang bukan Islam, sebenarnya tidak ada halangan tetapi disyaratkan mestilah berkaitan dengan transaksi yang diharuskan oleh syariat.

2. Hukum tentang saham

Terdapat pelbagai jenis hukum berkaitan saham mengikut jenisnya tersendiri:

A. hukum dari segi cara bayaran yang diselesaikan oleh pemodal/pelabur untuk memiliki saham.

- i. Pemilikan saham menerusi barangan (vendor's share) iaitu saham yang diperolehi oleh pelabur menerusi pembayaran secara 'ain iaitu bertukar barangan sama ada dalam bentuk harta tak alih atau harta mudah alih.

Terdapat tiga pandangan tentang keharusan bersyarikat menggunakan harta ('urudh) seperti ini:

- a. Menurut Mazhab Maliki sah harta *al-Urudh* ini secara mutlak sama ada jenis yang sama atau berbeza jenis.
- a. Mazhab Syafe'i dan juga Muhammad bin al-Hasan dari Mazhab Hanafi berpendapat adalah sah jika jenis barangan tersebut ialah *al-mithliyyat* seperti biji benih dan sebagainya.
- b. Pandangan Abu Hanifah dan Abu Yusuf dan zahir Mazhab Hanbali mengatakan tidak sah sama ada pertukaran berlaku antara kedua-dua belah

pihak atau satu pihak sahaja yang terlibat membayar dengan wang tunai. Bagi Ibnu Sirin, Yahya bin Kathir dan al-Thauriy berpandangan makruh tentang perkara ini.

Oleh yang demikian saham dalam konteks ini adalah sah dan harus bersandarkan kepada pandangan yang mengharuskannya bahkan muamalat seperti ini adalah memudahkan umat Islam dalam kehidupan seharian.

ii. Saham pemilikan tunai (cash share): iaitu yang diperolehi oleh pemodal secara bayaran tunai.

Semua ulama' bersetuju mengharuskan tanpa berselisih pendapat. Terdapat di dalam majallah (the Mejelle) perkara 1339.

B: Hukum Syara' berkaitan bentuk saham:

i. Saham nominal: saham yang ditulis dengan nama pemiliknya sendiri yang dikeluarkan oleh syarikat dengan pendaftaran berkaitan khusus pemiliknya, jumlah yang dibayar berdasarkan nilai saham dan proses daftar pertukaran hak milik serta tarikh pemilikan yang berlaku.

Hal ini tidak ada perselisihan mengenai keharusannya.

ii. Saham berasaskan nama pembawa (bearer Share): Saham ini tidak tertulis nama pemiliknya tetapi ditulis nama pembawanya sahaja. Pembawa saham itu dianggap oleh syarikat sebagai pemiliknya. Tindakan pembawa saham tersebut adalah dianggap sebagai bukti pemilikannya. Pemindahan saham boleh berlaku dari satu tangan ke tangan yang lain tanpa perlu kepada pendaftaran tukar hak milik dalam daftar rekod syarikat tetapi hanya dikeluarkan bil yang menunjukkan transaksi pembelian.

Hukum berkaitan saham jenis ini ada dua:

- a. Tidak harus saham berasaskan nama pembawa disebabkan pemiliknya tidak jelas yang boleh membawa kepada perselisihan dan permusuhan sebagaimana boleh menghilangkan hak pemiliknya. Seandainya dirampas oleh seseorang atau hilang dan ditemui seseorang yang lain, maka pembawanya dengan sendirinya menjadi ahli syarikat tanpa hak. Untuk itu pemilik saham syarikat telah berubah secara batil.

- b. Pandangan kedua pula mengharuskan kerana saham jenis ini adalah suatu bahagian pemilikan dalam syarikat dan sijil saham tersebut adalah suatu pernyataan untuk mengesahkan haknya dalam pemilikan. Pandangan ini diputuskan dalam suatu keputusan Majma' al-fiqh al-Islamiy di Jeddah pada 7-12 Dzulqaedah 1412H bersamaan 9-14 Mei 1992.

Pada hemat penulis, pandangan pertama lebih rajih (kukuh) bagi mencegah permusuhan sebagai suatu langkah berhemat. Tidak wajar untuk kita mengqiaskan (membandingkan) dengan cek kerana urus niaga saham amat pantas dan melibatkan juta ringgit atau lebih. Seandainya perkara ini dibenarkan dalam transaksi dibimbangi akan menghasilkan kemudaratn dan masalah yang besar dalam bursa. Undang-undang perdagangan arab hanya membenarkan urusan saham atas nama pemilik sahaja dan tidak membenarkan urusan saham berasaskan nama pembawanya.

iii. Saham berasaskan izin atau arahan (an order share). Saham ini tertulis nama pemiliknya dengan pemberian izin atau arahan yang jelas. Jika terdapat keizinan maka pemilikan berlaku tanpa perlu merujuk kepada syarikat. Oleh itu saham tersebut berpindah kepada pemilik baru dan pemilik asal tidak mempunyai hak lagi. Berbeza dengan saham berdasarkan nama pembawa, saham jenis ini memberi keizinan untuk perpindahan hak oleh pemiliknya yang asal secara jelas. Jika nama pemilik yang kedua ini tidak tertera pada saham itu, maka pemilik asal itu kekal sebagai pemilik sebenar. Saham jenis seperti ini diharuskan mengikut perspektif Islam kerana kejelasannya dan tidak membawa kepada permusuhan.

iv. Saham istimewa dan saham biasa

Saham istimewa: iaitu saham yang memiliki keistimewaan tertentu berbanding dengan saham-saham yang lain seperti:

- a. Pemiliknya diberi keutamaan untuk memperolehi keuntungan tidak kurang dari nisbah tertentu sebagai contoh 5 % sebelum dibahagikan kepada pemilik saham-saham lain. Ada kalanya pemilik saham lain tidak mendapat apa-apa setelah tiada lagi baki keuntungan yang tertinggal.
- b. Pemiliknya diberi keutamaan ketika berlaku penyelesaian akaun, maka nilai saham istimewa (terpilih) diselesaikan terlebih dahulu kepada pemiliknya sebelum nilai saham biasa.

- c. Pemiliknya mempunyai kelebihan hak bersuara berbanding pemilik saham biasa dalam perhimpunan umum yang diadakan.
- d. Pemiliknya memperoleh faedah keuntungan tetap tanpa mengira sama ada syarikat itu untung atau rugi.
- e. Pemilik yang awal diberi keutamaan untuk melanggan saham terbitan baru ketika syarikat memerlukan tambahan modal.

Saham biasa (ordinary share) tidak memberikan keistimewaan untuk pemiliknya terhadap apa-apa keuntungan atau menyerahkan semula nilai saham tersebut ketika berlaku penyelesaian (settlement) seperti yang diperolehi oleh pemilik saham istimewa. Keuntungan diberikan apabila terdapat baki keuntungan setelah diberikan kepada pemilik saham istimewa. Terdapat peruntukan undang-undang tertentu bagi setengah syarikat untuk memberikan hak kepada pemilik saham biasa, tetapi kadang kalanya berbeza antara satu sama lain dari segi hak untuk bersuara dan pengagihan keuntungan.

Hukum saham biasa dan saham istimewa

Dari segi hukum, saham biasa ini adalah diharuskan dalam Islam kerana saham ialah hak ahli syarikat yang berkongsi dalam sesebuah syarikat. Oleh itu apa sahaja hak seperti keuntungan dan lain-lain berhak diperolehi oleh pemilik saham selama mana saham tersebut mempunyai nilai yang setara setiap satunya mengikut nilai nominal dan tidak setiap saham tersebut tidak layak memperoleh keuntungan lebih antara satu sama lain.

Manakala saham terpilih atau istimewa pula berbeza hukumnya berdasarkan jenis keistimewaan tersebut. Dalam setengah keadaan saham seperti ini tidak diharuskan kerana:

i-Sekiranya dijamin keuntungan dengan nisbah tertentu seperti 5 % daripada nilai saham pemegang saham istimewa, sebelum dibahagikan secara sama rata kepada pemegang saham yang lain maka tidak diharuskan kerana saham pada asasnya adalah sama antara satu sama lain dan tidak berhak mana-mana pemegang saham memperoleh lebih keuntungan berbanding pemegang saham lain. Dalam Fath al-Qadir: (Syarikat tidak harus mensyaratkan kepada salah seorang daripada keduanya dengan (memberikan) dirham-dirham tertentu daripada keuntungan kerana syarat itu pasti membawa terputusnya (terbatalnya) syarikat yang mungkin (keuntungan tersebut) tidak terhasil kecuali sekadar jumlah yang disebutkan (dijanjikan) kepada salah seorang daripada keduanya.

Ibnu Munzir menyebutkan: (setiap yang teliti daripada ahli ilmu telah berijma' bahawa mudharabah terbatal apabila salah seorang atau keduanya mensyaratkan kepada

diri sendiri dirham-dirham yang tertentu. Di antara yang memelihara kami dengan pendapat sedemikian ialah Malik, al-Auza'iy, al-Syafie, Abu Thaur dan Ashab al-Ra'y.

ii-Sekiranya saham tersebut diikuti pula dengan faedah tahunan tanpa mengira sama ada syarikat tersebut untung atau tidak, maka perkara ini terlibat dengan riba, darar dan zalim.

iii-Sekiranya ditetapkan bahawa setelah penyelesaian akaun syarikat pemegangnya terlebih dahulu memperoleh hak untuk mendapat balik semula keseluruhan nilai sahamnya- sebelum keuntungan diagihkan kepada pemegang-pemegang saham lain-maka hukumnya tidak harus dari segi syariat kerana syarikat terdedah kepada risiko untung dan rugi dan ini menyalahi kontrak syarikat.

iv-Sekiranya ditetapkan pemegang saham memiliki hak bersuara tanpa bergantung kepada jumlah saham yang dimilikinya, maka hukumnya tidak harus kerana mengeneipkan keadilan yang sepatutnya ahli syarikat mempunyai hak yang sama termasuklah hal ini.

Apa yang dibenarkan dalam saham istimewa ini ialah pemberian hak dari segi keutamaan untuk melanggan saham terbitan baru jika syarikat memerlukan tambahan modal. Ini kerana pemegang saham tersebut adalah dianggap sebagai ahli pengasas syarikat yang selayaknya diutamakan berbanding dengan orang lain.

v-Saham pengasas syarikat (Founder's shares)

Saham ini ialah bahagian kadar keuntungan syarikat yang dibentuk sebagai sukuk/saham yang dikeluarkan oleh syarikat dan boleh berpindah milik tetapi bukan mengikut nilai nominal untuk individu syarikat yang telah banyak berkhidmat secara cemerlang ketika mengasaskan syarikat. Namun begitu syarikat boleh membubarkannya atau menukarkannya kepada saham atau bon atau mengubah cara-caranya tanpa membubarkan mana-mana pemegang saham.

Saham pengasas syarikat mula diperkenalkan pada 1808M sempena kewujudan syarikat terusan suez sedunia untuk menghargai pengasas syarikat dan kerajaan Perancis dan Mesir di atas khidmat jasa dan pertolongan yang telah diberikan. Bilangan saham ketika itu ialah 1000 saham yang mewakili 10% daripada keuntungan syarikat. Setelah itu dipecahkan kepada 100 bahagian yang menjadikan kemudiannya kepada 100,000 unit saham yang diperdagangkan dalam bursa saham dunia.

Saham ini berbeza dengan saham biasa dan juga berbeza dengan bon kerana keistimewaan berikut:

i-Saham ini tidak berada di bawah kategori modal syarikat kerana pemegangnya tidak menyumbang wang untuk modal syarikat, tetapi hanya khidmat untuk syarikat.

ii-Unit saham ini tidak mempunyai nilai nominal seperti saham tetapi mempunyai bahagian keuntungan syarikat yang tertentu.

iii-Pemegang saham ini berhak mendapat keuntungan syarikat. Hak untuk pemegangnya bergantung kepada keuntungan bersih syarikat. Ini berbeza dengan bon yang memperolehi keuntungan faedah yang tetap.

Hal ini terdapat perbincangan yang meluas di kalangan ahli-ahli perundangan. Saham ini tidak boleh dikategorikan sebagai saham biasa begitu juga bukan kategori bon kerana pemegang saham pengasas ini bukannya pemberi modal kepada syarikat dan juga bukan pemberi hutang kepada syarikat. Walau bagaimanapun ia kelihatan seperti saham dari satu sudut di mana boleh bertukar tangan dan memperolehi keuntungan syarikat. Tidak seperti saham yang memiliki nilai nominal, pemegangnya juga tidak boleh terlibat dalam pengurusan dan tidak boleh terlibat dalam mesyuarat agung.

Saham pengasas ini tidak boleh diqiaskan (analogi) dengan kontrak upah kerana kontrak upah berasaskan manfaat yang tertentu yang terhasil dengan kadar upah yang jelas, sedangkan saham pengasas ini tidak jelas kadar upahnya. Begitu juga tidak boleh dikategorikan sebagai ju'alah kerana ju'alah diharuskan dengan kadar harta yang jelas bagi sesiapa yang berjaya melakukan tugasnya. Tidak mungkin juga untuk diqiaskan dengan jual beli kerana saham pengasas ini tidak diketahui harga sebenarnya berbanding bayaran 'harga' yang sepatutnya dikenakan. Ini kerana khidmat yang diberikan oleh pemegangnya tidak dapat ditentukan begitu juga nilai saham tersebut juga tidak jelas kerana bergantung kepada nisbah keuntungan yang tidak wujud lagi pada masa kontrak dan majhul (tidak diketahui) pada masa akan datang.

Oleh yang demikian di bawah kaedah fiqh Islam kedudukan saham pengasas ini tidak harus kerana pemegangnya bukanlah ahli syarikat kerana jelas dari segi perundangan bukannya penyumbang modal syarikat dan kerjanya juga tidak kekal dalam syarikat. Untuk mengharuskannya boleh ditukar bentuk saham pengasas ini kepada saham biasa yang mempunyai hak yang selayaknya.

Sebahagian melihat saham pengasas seumpama ini boleh dianggap sebagai hibah atau hadiah sekalipun jumlahnya tidak jelas pada masa itu tetapi boleh diketahui pada waktu penerimaannya. Sangkaan ini boleh dibantah kerana saham pengasas ini bukan semata-mata hibah semata-mata kerana saham pengasas ini diperuntukkan kerana khidmat dan jasa yang diberikan untuk kejayaan syarikat, sebagaimana tidak dianggap sebagai hibah dengan imbalan/gantian dengan sesuatu, kerana hibah dengan sesuatu imbalan ialah jual beli.

C: Dari segi nilai Saham

1.Nilai nominal/nilai muka: nilai asas pada setiap unit saham ketika diwujudkan syarikat di mana jumlah kesemua nilai muka tersebut mewakili modal buat

pertama kali syarikat diwujudkan. Ini menepati dengan syariat di mana setiap bahagian saham yang didaftarkan mestilah memenuhi nilai asas tersebut sebagai suatu pernyataan perkongsian syarikat dengan suatu ketentuan yang telah dipersetujui bersama. Hasilnya nilai sesuatu bahagian itu dapat ditentukan dengan mudah untuk pengagihan keuntungan.

2-Nilai terbitan: Kadang kala syarikat mengeluarkan saham dengan harga yang lebih rendah dari nilai muka. Contohnya harga saham mengikut nilai muka RM4.00, tetapi syarikat menawarkan dengan harga RM3.00 ketika diterbitkan untuk menggalakkan ramai yang melanggannya.

Dari segi hukum syariat, berdasarkan kaedah fiqh, terbitan saham dengan perbezaan harga seperti ini tidak dibenarkan oleh syariat. Ini kerana nilai muka dan nilai terbitan sama sahaja dari segi hak ketika pembahagian keuntungan. Keuntungan secara asasnya diperolehi disebabkan oleh harta, pekerjaan atau jaminan, namun dalam hal ini tidak ada kena mengena perkara tersebut (harta, pekerjaan atau jaminan) yang memerlukan suatu perbezaan nilai antara nilai muka dengan nilai terbitan. Dari sudut yang lain pula adalah tidak adil terhadap pemilik saham yang asal yang telah menyumbang kepada syarikat dengan pembelian saham mengikut nilai muka, sedangkan pemilik saham yang membeli saham nilai terbitan dengan harga yang lebih rendah pula mendapat keuntungan dengan kaedah pengagihan yang sama.

3-Nilai hakiki iaitu nilai bersih yang dimiliki oleh pemegang saham setelah ditolak dengan kos-kos yang ditanggung oleh syarikat. Nilai ini dikatakan sebagai nilai muka ketika pertama kali saham diterbitkan oleh syarikat tetapi setelah syarikat menjalankan operasinya, kedudukannya pasti berbeza mengikut kedudukan prestasi syarikat sama ada berjaya mendapat keuntungan atau gagal dalam operasi syarikat.

Dari segi hukumnya menurut Islam nilai hakiki ini diharuskan kerana setiap syarikat terdedah kepada risiko untung dan rugi. Perkara ini dilihat sebagai indeks hakiki bagi prestasi syarikat sama ada untung atau sebaliknya.

4-Nilai pasaran atau nilai perdagangan: iaitu nilai saham pada pasaran atau bursa yang sentiasa berubah mengikut permintaan dan penawaran serta keadaan pasaran yang melibatkan aktiviti spekulasi, keadaan politik dan sosial.

Dari segi hukum adalah harus kerana pada asasnya menurut syariat, seseorang itu sepatutnya membeli sesuatu mengikut harga pasaran.

3. Hukum berkaitan dengan aktiviti urus niaga saham

Hukum berkaitan operasi saham ini dibahagikan kepada dua:

i-Urus niaga secara semerta (spot):

Menurut Samir ‘Abdul Hamid urus niaga seperti ini tertentu kepada perniagaan yang mesti diselesaikan di bursa berkaitan hak bagi pemegang yang berdaftar dan padanan harga berlaku menerusi instrumen pasaran iaitu dengan

berlakunya permintaan dan penawaran. Permintaan berlaku jika harga rendah dan penawaran berlaku jika harga tinggi. Qabd atau penerimaan berlaku segera sebaik sahaja selesai akad dengan penyerahan saham dan penerimaan wang. Urus niaga ini dikatakan urus niaga secara segera atau tunai.

Sebahagian mendefinisikannya sebagai urus niaga yang dilakukan oleh sesiapa yang ingin melabur harta (aset) mereka dengan membeli saham dan menjualnya ketika berpeluang memperolehi keuntungan, atau bercita-cita memperolehi hadiah yang ditawarkan oleh bon tertentu jika mengena pada waktu penyelesaian tertentu atau memperolehi keuntungan menerusi perbezaan harga yang berlaku dalam pasaran.

Landasan fiqh yang berkaitan dengan hal ini ialah jual beli itu adalah sah dan harus hukumnya dari segi lingkungan umum berdasarkan firman Allah s.w.t.:

Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga)

Walau bagaimana pun ini tidak bermakna harus berjual beli dalam semua keadaan dalam urus niaga ini. Kadang kala dari segi perlaksanaan boleh terkeluar dari lingkungan yang dibenarkan ini yang membawa hukum yang sebaliknya seperti hukum yang berdasarkan kaedah Maal iaitu kecenderungan yang membawa kesan terhadap natijah akhir hasil daripada perbuatan dan tindakan yang dilakukan. Contohnya dalam hal ini ialah jual beli saham secara singkat (short selling) adalah tidak harus kerana terlibat dengan gharar atau judi dan mengelirukan pembeli kerana menyerahkan skrip saham yang dipinjam yang tidak dimilikinya.

ii-Urus niaga secara tangguh

Sebahagian memberikan definisinya iaitu urus niaga yang mewajibkan pembeli dan penjual untuk menyelesaikan transaksi di suatu tarikh tertentu pada masa hadapan yang berkaitan dengan serah dan terima (barangan atau wang). Kedua-dua pihak ini juga bersetuju untuk menanggungkan transaksi dengan syarat-syarat tertentu termasuklah pembayaran ta'widh.

Ada yang mendefinisikannya sebagai urus niaga yang disepakati oleh dua pihak (penjual dan pembeli) untuk menanggungkan serahan barangan dan bayaran wang hingga ke suatu hari tertentu yang dipanggil hari penyelesaian, dan tujuan asas aqad ini ialah untuk mendapat keuntungan yang diambil oleh pelabur menerusi perbezaan nilai di antara harga pada waktu aqad dengan harga pada hari penyelesaian.

Penyelesaian ini berlaku sekali pada setiap bulan maka diselaraskan transaksi penyelesaian di antara kedua pihak. Penyerahan wang dan penyerahan saham sisempurnakan dalam beberapa hari daripada tarikh penyelesaian. Urus niaga secara tangguh ini memerlukan kepada jumlah saham yang banyak dan transaksi yang berterusan.

Landasan fiqh dalam masalah ini ialah aqad yang disandarkan pada suatu masa untuk disempurnakan jual beli secara bertangguh, tidak memberi makna pemilikan ketika aqad itu berlangsung kerana tidak berlaku qabd iaitu pindah milik sama ada wang atau barangan. Oleh itu sighth dalam aqad tersebut tidak mendatangkan kesan dan hukum dalam jual beli kerana tidak menepati aqad sebenar dalam jual beli. Ini menunjukkan aqad jual beli sebenar tidak berlaku dan tidak harus berjual beli barangan pada suatu tempoh akan datang seperti yang dikatakan oleh Ibnu Rusyd : (Ulama' secara ijma' berpendapat tidak harus jual beli barangan secara bertempoh). Oleh itu urusan niaga seperti ini tidak harus disebabkan ada unsur-unsur berikut:

i-Jual beli hutang dengan hutang (ba'i al-Dayn bi al-Dayn)

Oleh kerana urusan niaga ini melibatkan penangguhan penyerahan barang dan penerimaan wang ketika berlaku aqad maka transaksi ini termasuk dalam erti kata hutang dengan hutang atau al-kali' bi al-kali'. Ibnu 'Umar meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. telah menegah jual beli al-kali' bi al-kali'. Hadis ini sekalipun da'if (lemah), namun ulama' fiqh sepakat mengharamkannya.

Sebahagian berpendapat bahawa hutang (penangguhan) bayaran dan hutang (penangguhan) serahan barang adalah harus berasaskan hadis Jabir iaitu beliau dalam perjalanan berada di atas unta yang kepenatan, lalu Nabi s.a.w. telah memukulnya lalu berjalanlah walaupun tidak seperti yang sewajarnya. Kemudian nabi bersabda: "Jualkannya kepadaku dengan beberapa auqiyah (beberapa auns-harga yang rendah)" lalu aku menjualnya dan nabi membiarkan aku menunggangnya sehinggalah sampai menemui keluargaku. Apabila tiba aku menyerahkannya unta tersebut dan baginda menjelaskan bayaran kepada ku dan aku berlalu pergi. Baginda lalu mengikuti jejakku dan bersabda: "Aku tidak mengambil unta kamu. Ambillah unta kamu, ia menjadi milik kamu".

Hadis ini tidak boleh dikaitkan dengan penangguhan bayaran dan penangguhan qabd (pemilikan) bagi barangan, kerana hadis ini lebih terserlah dari segi penangguhan bayaran sahaja manakala qabd berlaku secara langsung ketika aqad jual beli dilakukan, hanya hal ini bersifat takhliyah (penyerahan hak milik dilakukan bukan secara fizikal, tetapi perakuan secara maknawi di mana hak keizinan pemilikan diserahkan kepada pembeli tanpa ada halangan).

Mengenai takhliyah ini terdapat dua pandangan ulama':

- a. Pandangan mazhab Hanafi, Hanbali dan pandangan Syafi'e menurut al-Kharasaniyyun (golongan Kharasan) bahawa semua jenis aqad yang dilakukan menerima takhliyyah sebagai salah satu bentuk qabd.
- b. Mazhab Syafi'e membezakan antara manqul (harta alih) dan hair manqul (harta tak alih). Harta alih sempurna qabd secara pindahan fizikal dan harta tak alih sempurna qabd secara takhliyyah.

Qabd dalam hadis ini jelas berlaku secara takhliyyah di mana unta tersebut berpindah milik kepada Rasulullah s.a.w. dengan berlaku aqad semata-mata sedangkan unta tersebut dalam kategori manqul (harta alih). Sekiranya pemindahan fizikal menjadi syarat qabd, nescaya Baginda Rasulullah s.a.w. akan memegangnya terlebih dahulu sebelum memberikannya kepada Jabir sebagai hibah (hadiah). Dalam hal ini al-Hafiz Ibnu Hajar berkata: (Malikiyyah dan Hanafiyyah telah berpendapat bahawa qabd dalam semua perkara secara takhliyyah, dan Bukhari cenderung dengan pendapat ini).

Hadis ini juga dapat diertikan dengan makna hibah (hadiah) bukan jual beli seperti yang disebut oleh Imam al-Nawawiy: (Bukanlah dimaksudkan di sini sebagai jual beli tetapi Nabi s.a.w. berkeinginan melakukan kebajikan dan ihsan kepadanya (Jabir) dengan suatu harga tanpa memalukan orang untuk mengambilnya dan jalan-jalan hadis tersebut menunjukkan sedemikian).

Oleh yang demikian hadis ini tidak dapat dijadikan hujah untuk membolehkan berlaku hutang kedua-duanya (barang dan harga) secara serentak, bahkan hadis ini menunjukkan berlaku penangguhan pembayaran harga sahaja manakala qabd terhadap barang berlaku secara takhliyyah atau boleh juga difahami secara tersirat dengan maksud pemberian hibah yang berlaku secara serta merta.

ii-Tujuan yang tidak memenuhi kehendak syariat

Terkandung suatu hilah dalam urus niaga seperti ini yang semata-mata manipulasi untuk mendapat untung menerusi perbezaan harga. Pembeli tidak ghairah untuk mendapatkan barangan dan penjual pula tidak ghairah untuk penyerahan barangan. Penjual melakukan 'mudarabah' (manipulasi) dengan harapan pada hari penyelesaian nanti harga tersebut akan lebih tinggi melebihi harga semasa dan mampu meraih keuntungan. Begitu juga pembeli melakukan 'mudarabah' dengan harapan ketika hari penyelesaian nanti harga akan turun lebih rendah dari harga semasa. Apabila tiba hari penyelesaian, sekiranya silap perhitungan, penjual mengalami kerugian jika harga sahamnya jatuh lebih rendah daripada jangkaan, manakala pembeli pula mendapat keuntungan. Sekiranya harga saham pada hari penyelesaian itu lebih tinggi daripada jangkaan, pembeli terpaksa menambah jumlah wang untuk memperolehi saham tersebut dan penjual mendapat habuannya. Jadi salah satu pihak menang dengan meraih keuntungan, maka satu pihak lagi akan kalah dan terpaksa menerima kerugian. Perkara ini dilihat sebagai suatu bentuk perjudian sekiranya niat yang terkandung semata-mata untuk meraih keuntungan menerusi perbezaan harga dengan sebab kekalahan atau kerugian yang ditimpa oleh pihak yang satu lagi.

iii-Gharar dan darar terhadap salah satu pihak yang mengurus niaga

Transaksi seperti ini terdedah kepada gharar dan darar dengan sebab berlaku keuntungan di atas kerugian orang lain, kecuali harga jual itu sama

dengan harga beli tetapi hal ini terlalu sukar untuk berlaku (nadir). Kebiasaan yang berlaku setiap penjual dan pembeli akan menanggung waktu penyelesaian aqad ke suatu tempoh yang sesuai. Urusan tersebut dilakukan dengan memindahkan tanggungannya kepada pelabur lain yang berminat dengan faedah walaupun terpaksa menanggung faedah riba dengan sebab penangguhan yang berlaku. Ini kerana penangguhan masa melibatkan bayaran tambahan terhadap hutang asal dengan kadar faedah yang mesti dibayar oleh peminjam. Keterlibatan dengan riba ini menjadi suatu larangan yang jelas dalam Islam.

Isu-isu lain

- 1- Syarikat berasaskan perkongsian ahli syarikat yang mengagihkan keuntungan kepada ahli apabila syarikat telah maju. Namun amalan yang berlaku dalam pasaran saham boleh dikatakan sebagai bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing. Ahli bersaing untuk mendapatkan keuntungan material semata-mata dan hilang konsep bersyarikat walaupun dalam syarikat yang sama. Apakah syarikat seperti ini menepati konsep syarikat dalam Islam khususnya dalam uruf semasa? Perkara ini mungkin boleh diperbincangkan lagi kerana dalam konteks konvensional apa yang penting ialah individu bebas untuk menggunakan apa sahaja cara untuk mendapatkan kekayaan.
- 2- Berhutang untuk melabur. Apakah itu rasional kerana dalam pelaburan keuntungan itu bukanlah sesuatu yang pasti.
- 3- Amanah saham bumiputera. Isu yang dipertikaikan ialah syarikat-syarikat yang dilaburkan itu tidak sepenuhnya patuh syariat.

Kesimpulan

Dalam dunia global sekarang yang kian pantas, transaksi saham menjadi lebih kompleks. Isu yang sebenar adakah transaksi saham sekarang ini lebih mengukuhkan sistem kapitalis yang sibuk mementingkan keuntungan individu atau kumpulan tertentu semata-mata atau lebih bersifat keuntungan dan pembangunan saksama kepada anggota masyarakat. Dalam hal ini sistem ekonomi Islam dilihat sebagai suatu alternatif penting kepada dua sebagai penyelesai kemelut ekonomi dunia. Walau bagaimanapun sistem ekonomi Islam khususnya institusi kewangan Islam wajar lebih serius untuk membuka mata masyarakat dunia kepada kecelakaan riba dan membina produk-produk baru yang adil dan sistematik. Untuk itu masyarakat Malaysia mestilah meningkatkan kefahaman tentang hal-hal ekonomi kerana harta adalah tapak atau wasilah utama untuk mencapai *maqasid syar'iyah*.

Rujukan

Mohamad Sabri Haron. 1999. *Ahkam al-aswat al-maliyyah*. Dar al-Nafais: ‘Amman.

Al-Barawiy, Sya’ban Muhammad Islam. 2005. *Bursoh al-Awraq al-Maliyyah min Mansur al-Islamiy*. Dar al-Fikr: Beirut.

i Hadis ini diriwayatkan oleh Ibnu Majah dan juga al-Tabarani. Mengikut al-Albaniy adalah lemah (da'if). Rujuk Ibnu Majah, *Sunan Ibnu Majah*, juz. 2 hal. 751 dan al-Tabarani, *al-Mu'jam al-Kabir*; juz 19, hal.234-235 dan al-Albani, *Da'if Sunan Ibnu Majah*, hal. 171